1. Notwithstanding any provision to the contrary within this policy, this policy excludes any loss, damage, liability, claim, cost or expense of whatsoever nature, directly or indirectly caused by contributed to by, resulting from, arising out of, or in connection with a Communicable Disease or the fear or threat (whether actual or perceived) of a Communicable Disease regardless of any other cause or event contributing concurrently or in any other sequence thereto.
2. As used herein, a Communicable Disease mean any disease which can be transmitted by means of any substance or agent from any organism to another organism where :-
 - 2.1 the substance or agent includes, but is not limited to, a virus, bacterium, parasite or other organism or any variation thereof, whether deemed living or not, and
 - 2.2 the method of transmission, whether direct or indirect, includes but is not limited to, airborne transmission, bodily fluid transmission, transmission from or to any surface or object, solid, liquid or gas or between organisms, and
 - 2.3 the disease, substance or agent can cause or threaten damage to human health or human welfare or can cause threaten damage to, deterioration of, loss of value of, marketability of or loss of use of property.

(LMA5394) (Modified for Insurance Policy)

The whole of this Policy (with the documents in the definition of Policy) shall be read together as one contract.

IMPORTANT NOTICE

Please read this Policy and its Conditions. If anything is not correct, please return it immediately so that we can amend it.

This policy is written in English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia version the English version shall prevail.

INSURANCE KEMALANGAN DIRI KELUARGA

BAHAWASANYA Pengambil Insurans yang dinamakan di dalam Jadual dengan cadangan dan alukan yang ditandatangani telah memohon kepada Syarikat untuk perlindungan insurans dengan terma dan syarat yang dinyatakan kemudian dari ini.

Bahawasanya pihak-pihak dalam dokumen ini bersetuju bahawa Cadangan dan Alukan bersama-sama dengan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Pengambil Insurans adalah asas kepada kontrak ini dan diputuskan sebahagian dalam perjanjian ini.

Maka Syarikat ini bersetuju bahawa sekiranya Kejadian yang diuraikan dalam Polisi berlaku ke atas Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans dan mengakibatkan Kematian atau Hilang Upaya Kekal atau menyebabkan Rawatan Perubatan diperlukan, Syarikat akan, tertakluk kepada terma pengecualian dan syarat yang terkandung dalam

perjanjian ini atau diendors atau dinyatakan dengan cara lain pada dokumen ini, membayar pampasan yang ditetapkan dalam Jadual kepada Pengambil Insurans, atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang dalam hal Kematian.

2 telah diperakui dan kena dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan yang sama.

**SETEM HASIL
TELAH DIBAYAR**

A. Kontrak Insurans Pengguna

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

B. Kontrak Insurans Komersial

Polisi dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari premium yang ditentukan dalam Jadual Polisi dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak anda pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang anda berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara anda dan pihak kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan anda atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh anda, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara anda dan pihak kami.

Syarikat dengan ini bersetuju bahawa dalam hal Orang Yang Diinsuranskan mengalami apa-apa Kecederaan semata-mata dan berasingan daripada apa-apa sebab lain yang mengakibatkan Kematian atau Hilang Upayanya, Syarikat akan membayar pampasan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual dan menurut Jadual Faedah yang disyaratkan dalam Polisi ini kepada Pengambil Insurans atau wakilnya di sisi undang-undang

Senantiasa Dengan Syarat Bahawa

1. Jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual tidak boleh dibayar:
 - a) Di bawah Faedah 1 & 2 melainkan kematian atau hilang upaya berlaku dalam masa dua belas (12) bulan dari kejadian kecederaan badan;
 - b) Di bawah Faedah 3 berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan untuk lebih daripada dua belas (12) minggu dari bermulanya rawatan di hospital;
 - c) Sehingga jumlah amaun pampasan telah ditentukan dan dipersetujui.

2. Dalam hal apa-apa jumlah yang dibayar di bawah Faedah 2, jumlah maksimum tidak boleh melebihi Jumlah Diinsuranskan di bawah Faedah 1(a).
3. Pengambil Insurans tidak berhak mendapat lebih daripada satu pampasan di bawah Faedah 1(a), 2 & 3 berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan. Dalam hal kematian Orang atau Orang-orang Yang Diinsuranskan, Pengambil Insurans adalah berhak menerima pampasan lanjut di bawah Faedah 1(b) dan 5.
4. Apa-apa jumlah dibayar di bawah Faedah 3 akan ditolak daripada apa-apa jumlah kena dibayar di bawah Faedah 1 atau 2.
5. Dengan pengecualian Faedah 4, Syarikat tidak bertanggung jawab untuk membuat apa-apa bayaran lanjut kepada seorang Orang Yang Diinsuranskan selepas suatu tuntutan di bawah Faedah 1 atau

Pengecualian

Polisi ini tidak dikenakan ke atas apa-apa kejadian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung atau akibat daripada:-

- a) kecederaan yang disengajakan oleh diri sendiri;
- b) peperangan atau kegiatan berupa peperangan;
- c) penggunaan kewujudan atau pelepasan bahan senjata nuklear atau pengionan sinaran radioaktif daripada atau pencemaran radioaktif daripada bahan api nuklear atau bahan buangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear;
- d) Orang Yang Diinsuranskan dipengaruhi minuman keras yang memabukkan atau dadah selain daripada dadah yang diambil atau dikawal oleh atau menurut nasihat seorang pengamal perubatan berkelayakan dengan cara yang sepatutnya;
- e) Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri atau menjalankan atau mengambil bahagian dalam latihan yang khusus untuk mana-mana aktiviti berikut:-
 - 1) apa-apa kegiatan sukan professional;
 - 2) penglibatan dalam apa-apa jenis perlumbaan kelajuan;
 - 3) apa-apa jenis pergaduhan bersenjata atau tidak bersenjata atau seni mempertahankan diri;
 - 4) mendaki gunung atau mendaki permukaan batuan atau terjun atau meneroka lubang gua;
 - 5) apa-apa aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan kelengkapan pernafasan;
 - 6) penerbangan atau apa-apa perjalanan udara melainkan sebagai seorang penumpang berbayar dalam pesawat udara berlesen penuh;
 - 7) apa-apa aktiviti udara lain termasuk sukan payung terjun, sukan terbang dengan pesawat peluncur, sukan luncur gantung;
 - 8) lumba lari berhalang, memburu, menyelam, sukan musim sejuk, meluncur air, meluncur, hoki ais atau polo.
- f) kehamilan atau kelahiran anak atau Orang Yang Diinsuranskan menderita daripada keadaan tidak siaman, penyakit venereal, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), kecacatan fizikal atau mental pra-wujud atau kelemahan atau perbuatan membunuh diri atau cubaan membunuh diri;
- g) terdedah kepada bahaya yang tidak perlu dengan sengaja melainkan dalam cubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia;
- h) kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sebagai hasil daripada Tindakan Keganasan apabila tindakan dan / atau tindakan Keganasan melibatkan penggunaan senjata Nuklear, Kimia atau Senjata Biologi ini mungkin menyumbang atau bergabung kepada kabinasaan secara besar-besaran dalam sebarang bentuk.

FAEDAH

1. KEMATIAN	Amaun Dibayar
a) Kematian Kemalangan ke atas mana-mana Orang Yang Diinsuranskan	100% daripada Jumlah Diinsuranskan
b) Dana Pendidikan : Dalam hal kematian kemalangan atau Hilang Upaya Kekal (100% pampasan ke atas Pemegang Polisi, hanya satu bayaran Dana Pendidikan sekaligus untuk setiap anak yang sedang belajar di sekolah, kolej atau universiti dengan sepenuh masa	30% daripada Perkara 1(a)
2. HILANG UPAYA KEKAL	
Kehilangan atau kehilangan kekal penggunaan mana-mana tangan atau kaki, lengan atau kaki	100%

atau mana-mana gabungannya			
Kehilangan satu jari telunjuk		Kehilangan mana-mana jari tangan lain	
- 1 falanks	5%	- 1 falanks	3%
- 2 falanks	10%	- 2 falanks	7%
- 3 falanks	15%	- 3 falanks	10%
Kehilangan satu ibu jari		Kehilangan Satu Ibu Jari Kaki – mana-mana kaki	10%
- 1 falanks	15%		
- 2 falanks	25%		
		Kehilangan mana-mana Jari Kaki lain – mana-mana kaki	2%
Kelumpuhan Organik Menyeluruh Kekal			100%
Kehilangan Penglihatan Menyeluruh Kekal pada sebelah atau kedua-dua belah mata			100%
Hilang Upaya Menyeluruh Kekal			100%
Kehilangan Pendengaran Menyeluruh Kekal pada sebelah telinga			20%
Kehilangan Pendengaran Menyeluruh Kekal pada kedua-dua belah telinga			80%

Apabila Kecederaan tidak ditetapkan, Syarikat berhak menerima-pakai suatu peratusan hilang upaya yang pada pendapatnya tidak konsisten dengan peruntukan Faedah di atas.

6. Faedah Pendapatan Hospital

Faedah Pendapatan Hospital mingguan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual untuk tempoh rawatan hospital Orang Yang Diinsuranskan di hospital awam atau swasta yang diiktiraf. Tempoh maksimum dibayar adalah dua belas (12) minggu sahaja.

7. Belanja Perubatan

Kos perubatan pembedahan atau rawatan penjagaan perubatan lain atau alat yang diberi oleh seorang pengamal perubatan berkelayakan berkenaan dengan mana-mana satu kemalangan.

8. Belanja Pengebumian/Pembakaran Mayat/Repatriasi

Bayaran ganti yang ditanggung dengan semestinya dan sewajarnya dan disokong oleh resit daripada pengurus mayat/ sistem penerbangan/pengangkut kereta yang diiktiraf (tetapi hanya setakat jumlah yang tidak boleh diterima kembali daripada mana-mana sumber lain) dalam hal kematian Orang Yang Diinsuranskan. Dengan syarat bahawa Jumlah Diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual adalah jumlah maksimum dibayar untuk mana-mana Orang atau Orang-orang Yang Diinsurans dalam mana-mana satu kemalangan.

TAKRIF

Apabila digunakan di dalam Polisi ini, Takrif berikut adalah dikenakan:

- 1) PAMPASAN** bermaksud amaun yang Syarikat bertanggungjawab untuk membayar bagi suatu Kecederaan menurut Jadual dan Faedah yang ditakrifkan di dalam Polisi.
- 2) KECEDERAAN** bermaksud kecederaan badan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh keganasan, kemalangan, luaran dan cara-cara nyata.
- 3) HAD GEOGRAFI** Insurans ini sah di seluruh dunia.
- 4) ORANG YANG DIINSURANSKAN** bermaksud
 - a) Pengambil Insurans yang tidak melebihi usia 60 tahun;
 - b) Suami/isteri Pengambil Insurans, melainkan yang berpisah di sisi undang-undang daripada Pengambil Insurans, yang tidak melebihi usia 60 tahun;
 - c) Anak-anak Pengambil Insurans yang belum berkhawin, yang berusia melebihi tiga (3) bulan tetapi lebih muda daripada usia 23 tahun.
- 5) ANAK** adalah termasuk anak sebenar Pengambil Insurans yang diiktiraf, anak tiri, anak angkat di sisi undang-undang dan anak bela dengan syarat bahawa anak itu bergantung terutamanya kepada Pengambil Insurans untuk sokongan dan nafkah.
- 6) HILANG UPAYA MENYELURUH KEKAL** adalah bermaksud hilang upaya sepenuhnya daripada melibatkan diri dalam atau memberi perhatian kepada apa-apa perniagaan atau apa-apa jenis pekerjaan yang menguntungkan. Hilang Upaya sedemikian hendaklah berlanjutan untuk tempoh 104 minggu berturut-turut dari tarikh Kemalangan sebelum apa-apa pembayaran dibuat.

- 7) KEKAL** adalah bermaksud berterusan sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan kalender lalu dinilai oleh seorang pengamal perubatan berkelayakan dengan cara yang sepatutnya sebagai tiada harapan untuk pulih.
- 8) KEHILANGAN JARITANGAN/JARIKAKI** adalah bermaksud Pemotongan menyeluruh melalui atau di bahagian atas sendi metakarpus atau sendi metatarsus.
- 9) KEHILANGAN ANGGOTA BADAN** adalah bermaksud kehilangan tangan pada pergelangan tangan atau ke atas atau kaki pada buku lali atau ke atas secara pemotongan fizikal.
- 10) PERJALANAN UDARA** adalah bermaksud berada di dalam atau di atas atau menaiki sebuah pesawat udara untuk tujuan penerbangan dalam atau turun dari pesawat udara berikutan suatu penerbangan.

SYARAT

1. KANDUNGAN KONTRAK

Polisi ini, Jadual dan Spesifikasi hendaklah dibaca bersama sebagai satu Kontrak dan mana-mana perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan maksud khusus hendaklah membawa makna yang sama di mana juga ia digunakan.

2. NOTIS

Semua notis yang perlu diberi oleh Pengambil Insurans kepada Syarikat mesti secara bertulis dan dialamatkan ke Syarikat. Tiada pindahan pada terma Polisi ini mahupun mana-mana pengendorsan padanya akan diputuskan sah melainkan ditandatangani oleh seorang wakil Syarikat yang diberikuasa.

3. PEMBERITAHUAN

Pengambil Insurans hendaklah memberi notis serta-merta kepada Syarikat

- a) mengenai apa-apa pertukaran dalam pekerjaan Pengambil Insurans;
- b) sebelum pembaharuan Polisi ini, mengenai apa-apa kecederaan penyakit kecacatan fizikal atau mental atau kelemahan yang telah mempengaruhi Orang Yang Diinsuranskan atau yang telah disedari oleh Orang Yang Diinsuranskan;
- c) mengenai apa-apa pertukaran dalam alamat surat-menyurat Pengambil Insurans.

4. TUNTUTAN

Jika Orang Yang Diinsuranskan mengalami Kecederaan Badan yang menimbulkan atau boleh menimbulkan suatu tuntutan di bawah Polisi ini, Orang Yang Diinsuranskan atau wakilnya di sisi undang-undang hendaklah:

- a) memberi notis bertulis tentang kecederaan tersebut kepada Syarikat secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada 7 hari selepas kemalangan yang menimbulkan kecederaan tersebut;
- b) melengkapkan dan menghantar borang tuntutan bersama-sama dengan sijil yang dilengkapkan oleh seorang Pengamal Perubatan Berdaftar kepada Syarikat dalam masa empat belas hari dari bermulanya apa-apa hilang upaya;
- c) mendapat dan memberikan semua sijil bukti dan maklumat sedemikian dengan belanjanya sendiri sebagaimana boleh dikehendaki oleh Syarikat dengan sewajarnya;
- d) dalam hal Kematian Orang Yang Diinsuranskan, memberi notis serta-merta kepada Syarikat dan jika boleh bersama sama dengan notis pembakaran mayat pengebumian atau pertanyaan formal.

Syarikat adalah berhak dengan belanja sendiri:

- a) mengatur pemeriksaan perubatan untuk Orang Yang Diinsuranskan berikutan apa-apa tuntutan yang dibuat menurut dokumen ini;
- b) mengatur pemeriksaan bedah siasat dalam hal Kematian Orang Yang Diinsuranskan.

5. PEMBAYARAN

Semua jumlah yang kena dibayar dalam penyelesaian suatu tuntutan di bawah Polisi ini adalah dibayar hanya kepada Pengambil Insurans atau wakil dirinya di sisi undang-undang dan penerimaannya adalah penjelasan penuh oleh Syarikat berkenaan dengan tuntutan sedemikian. Syarikat tidak terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh apa-apa notis amanah tanggungan penyerahan hak atau lain-lain yang berhubung dengan atau berkaitan dengan Polisi ini.

6. PEMBAHARUAN

Syarikat tidak boleh diwajibkan untuk menerima pembaharuan Polisi ini ataupun menghantar notis tentang tamat tempoh insurans.

7. PELARASAN

Jika mana-mana bahagian Premium atau Premium Pembaharuan dikira berdasarkan anggaran yang diberi oleh Pengambil Insurans, Pengambil Insurans hendaklah menyimpan satu rekod tepat yang

mengandungi semua butir berkaitan dan hendaklah membenarkan Syarikat memeriksa rekod sedemikian atas permintaan. Pengambil Insurans hendaklah memberi maklumat sedemikian sebagaimana boleh dikehendaki oleh Syarikat dalam masa 30 hari selepas tamat tempoh setiap Tempoh Insurans dan Premium Pembaharuan akan terus dilaraskan.

8. PEMBATALAN

Syarikat boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis tidak kurang daripada 14 hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir Pengambil Insurans yang diketahui, dalam hal ini Syarikat akan memulangkan premium pro rata setara dengan tempoh polisi yang belum berkuatkuasa kepada Pengambil Insurans atas permintaan.

9. TIMBANGTARA

Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah atau jika mereka tidak bersetuju dengan seorang Penimbangtara dan memerlukan keputusan dua orang Penimbangtara, salah seorang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa satu bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam keadaan Penimbangtara-penimbangtara tidak bersetuju, seorang wasit akan dilantik secara bertulis oleh Penimbangtara-penimbangtara sebelum bermulanya perujukan. Wasit tersebut akan duduk bersama-sama dengan Penimbangtara-penimbangtara dan menjadi pengerusi dalam mesyuarat dan pembuatan suatu Award adalah syarat terdahulu bagi apa-apa hak tindakan terhadap Syarikat. Sekiranya Syarikat menolak tuntutan liabiliti terhadap Pengambil Insurans untuk apa-apa tuntutan menurut dokumen ini dan tuntutan sedemikian tidak dirujuk kepada timbangtara di bawah peruntukan yang terkandung dalam perjanjian ini dalam masa dua belas bulan kalendar dari tarikh penolak tuntutan sedemikian, maka Tuntutan tersebut dianggap telah ditinggalkan untuk semua tujuan dan tidak boleh didapati kembali menurut dokumen ini selepas itu.

10. PEMATUHAN DAN PENUNAIAH WAJAR

Permatuhan dan penunaian terma Polisi ini dengan sewajarnya sejauh mana yang berkenaan dengan apa-apa perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pengambil Insurans adalah syarat terdahulu bagi apa-apa liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Polisi ini.

11. Kewajipan Pendedahan

A. Kontrak Insurans Pengguna

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan anda, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam borang cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) seperti contoh, anda perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda selaras dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan pihak kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

B. Kontrak Insurans Komersial

Apabila anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu yang akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

HAD SEKATAN DAN FASAL PENGECUALIAN

Syarikat tidak akan memberikan perlindungan dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa tuntutan atau memberikan apa-apa manfaat di bawah ini di mana peruntukan perlindungan, pembayaran tuntutan, atau peruntukan manfaat tersebut akan mendedahkan Syarikat kepada mana-mana larangan atau sekatan di bawah Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau sekatan, undang-undang atau peraturan perdagangan atau ekonomi Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat.

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Dengan memberikan maklumat peribadi Anda, bermakna Anda memberi kebenaran kepada Kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:

- i. Untuk memproses data peribadi Anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak insurans.
- ii. Anda membenarkan dan mengizinkan Kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan Kami, khususnya,
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar;
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan kontrak insurans;
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula;
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad;
- iii. Subjek Data (pencadang) hendaklah dimaklumkan tentang haknya untuk menyemak data dan untuk meminta pembetulan data peribadinya.

Notis: Menurut peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Anda boleh menghubungi Customer Contact Center kami untuk mendapatkan butir-butir data peribadi Anda. Maklumat sedemikian akan hanya diberikan selepas pengesahan. Anda boleh mengemaskinikan/membetulkan data dengan memberikan butir-butirnya secara bertulis kepada Kami.

CUKAI PERKHIDMATAN

Notis Mustahak:-

Dimaklumkan bahawa Cukai Perkhidmatan akan dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia pada 1 September 2018 pada kadar enam (6) peratus.

Pihak Syarikat berhak memungut sejumlah amaun bayaran Cukai Perkhidmatan yang berpatutan keatas premium yang ditetapkan semasa tempoh polisi, atau sekiranya tempoh polisi bermula sebelum dan berakhir selepas 1 September 2018, memungut daripada pemegang polisi amaun Cukai Perkhidmatan keatas premium yang dikira secara pro-rata mulai 1 September 2018.

Kewajipan pembayaran Cukai Perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada Terma dan Syarat di dalam polisi Insurans.

Undang-Undang yang mengawal Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan, 2018 dan segala Peraturan yang diluluskan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

FASAL PENGECUALIAN PENYAKIT BERJANGKIT (LMA 5394)

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi ini, polisi ini mengecualikan sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, tuntutan, kos atau apa sahaja perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berhubung dengan penyakit berjangkit atau ketakutan atau ancaman (sama ada benar atau dirasakan) daripada penyakit berjangkit tanpa mengira sebab atau kejadian lain yang menyumbang secara serentak atau mengikut urutan lain.
2. Seperti yang digunakan disini, penyakit berjangkit bermaksud penyakit yang ditularkan melalui apa-apa bahan atau ejen dari mana-mana organisma ke organisma lain dimana :

- 2.1 Bahan atau ejen termasuk tetapi tidak terhad kepada, virus, bakteria, parasit atau organisma lain atau sebarang variasi, sama ada dianggap hidup atau tidak, dan
- 2.2 Kaedah penularan sama ada secara langsung atau tidak langsung, merangkumi tetapi tidak terhad kepada, penularan melalui udara, penularan melalui cecair badan, penularan dari atau kemana-mana permukaan atau objek, pepejal, cecair atau gas atau antara organisma, dan
- 2.3 Penyakit itu, bahan atau ejen boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan pada kesihatan manusia atau kesejahteraan manusia atau boleh menyebabkan atau mengancam kerosakan, kemerosotan, kehilangan nilai, kebolehpasaran atau kehilangan penggunaan harta benda.

(LMA 5394) (diubahsuai untuk polisi insurans)

Keseluruhan Polisi ini (dengan dokumen dalam takrif Polisi) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak.

NOTIS PENTING

Sila baca polisi ini dan syarat-syaratnya. Jika terdapat sebarang kesilapan, sila kembalikannya kepada kami dengan segera untuk dipinda.

Polisi ini ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia tidak setara, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.